

# Ahli-ahli UMNO diminta tumpu kepada RMK-9

JITRA 10 Jun - Ahli-ahli UMNO diminta memberi tumpuan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) daripada sibuk memperbesar dan memikirkan perkara-perkara remeh yang lain.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, ketiadaan tumpuan untuk mengisi wawasan atau program RMK-9 seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggagalkan rancangan itu.

"Inilah tumpuan yang patut kita berikan sekarang kerana ia perlu dilaksanakan dengan segera tidak kira di peringkat persekutuan ataupun negeri.

"Sebab itulah kita kini kena berusaha keras

agar RMK-9 dapat dilaksanakan dengan berkesan termasuk mengurangkan birokrasi serta menubuhkan pusat-pusat sehenti," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan ketua-ketua Bahagian dan perwakilan UMNO Kedah di Kelab Golf Darulaman di sini, hari ini.

Mohd. Ali berkata, ahli-ahli UMNO dan masyarakat seluruhnya perlu memahami bahawa setiap pemimpin mempunyai pendekatan dan pelaksanaan yang berbeza, tetapi matlamat mereka tetap sama iaitu menuju Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia negara maju, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Beliau yakin ahli-ahli UMNO memahami perkara itu dan akan memberi sokongan

padu kepada pucuk pimpinan kerajaan yang dipimpin Abdullah.

Jelasnya, jika terdapat ahli-ahli yang masih memerlukan penjelasan, UMNO sedia memberikan penerangan sehingga ke peringkat akar umbi.

"Jika ada keperluan mendesak, kita akan perjelaskan, malah mereka juga boleh merujuk kepada Menteri Besar masing-masing yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri," katanya.

Ditanya adakah kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad itu akan menjejaskan UMNO, beliau berkata, perkara itu tidak akan timbul kerana beliau percaya ramai ahli

UMNO sudah jelas tentang isu tersebut.

Cuma, katanya, parti pembangkang mungkin akan menggunakan kesempatan itu dalam kempen-kempen mereka dan ahli-ahli UMNO perlu bijak menilai dan tidak terperangkap dengan dakwah pembangkang.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid turut yakin kedudukan UMNO di Kedah tidak terjejas dengan isu tersebut.

"Walaupun parti pembangkang akan cuba mengambil kesempatan daripada isu itu, saya yakin ahli-ahli UMNO boleh faham dan kita akan meredakan keadaan bukannya menjadikan ia bertambah kecoh," ujar Mahdzir.